

Panduan dan inspirasi untuk mewujudkan
bahagia dalam hidup berkeluarga.

BONDA
NOR
SDN BHD

Pelangi di Rumah Kita

Setiap
warna ada
cerita. Setiap
cerita ada
cinta.



AKADEMI BONDA NOR

Bonda Nor
Sdn Bhd

F-G-3, Indah Condominium, Jalan PJU 10/9,
Prima Damansara, 47130 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Pelangi di Rumah Kita

Terbitan Pertama 2025

©Hakcipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, ataupun cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak Bonda Nor Sdn. Bhd.

PENULIS
Akademi Bonda Nor

PRUF
Faizah Ahmad

PEMASARAN
Cik Pae
(011-23215587)

EDITOR
Bonda Nor

REKA LETAK
Reka Lukis



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia



Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-0018-81-2

Panduan dan inspirasi untuk mewujudkan
bahagia dalam hidup berkeluarga.

Pelautngi di Rumah Kita

Setiap
warna ada
cerita. Setiap
cerita ada
cinta.



AKADEMI BONDA NOR

Kandungan

Bicara Bonda Nor	vii
Bahasa Cinta Abah AMMAR KAMILIN	1
Rumah Ini Kanvas, Dia Pelukisnya AKASHAH KASSIM	10
Tidak Pernah Jauh DR. NUR HANISAH	19
Sedangkan Lidah Lagi Tergigit LIZA SUHANA RAMLI	27
Teguh Berdiri Saat Teruji AZIANA AR	35
Badai Narsisistik YUSLIZA MOHD RUSAD	45
Insan Terpilih ABDUL MUIEZ RUSLEE	53
Patah Tumbuh, Hilang Berganti INTAN SURAINI	61
CEO Introvert AMLA MAT RAWI	71

Bintang Masih Bersinar SITI RUGAYAH HJ TIBEK	79
Semurni Kasihmu NIK MURSHIDAH	88
Syurga yang Kucari REHAN SIDIK	95
Setelah Umi Pergi NADHIRAH ARIB	103
Cinta Sampai Syurga SAADIAH KAMISO	112
Indahnya Waktu Bersamamu ISMAIL HUSSAIN	121
Bakti yang Sembunyi NUR MAWARNAFASTARI	129
Pantang Menyerah! CIK PAE FAIZAH	137
Pelangi Pertama Umi, Abi KHADIJAH MOHAMAD NOR	144
Pelangi yang Tertunda ROSLIWATI SALLEH	152
Dia Mewarnai Hidup Kami HARYATI HAMIM	161
Antara Keluarga dan Kerjaya ROHAMIAH MUDA	170
Terima Kasih Ayah ANNUR RAZIDAH	178
Tenang Itu Bahagia AMIN AZIZ	186
Meski Aku Tak Sempurna HAMKA IDRIS	194
Hadirnya Pelangi SHAHRUL ZAMAN LUKMAN	203

Pelangi di Rumah Kita

Berlari Mengejar Mimpi RUQAYYAH MUHD	211
Dari Gugurnya Helaian Rambut KUSHAIRI ISMAIL	220
Pelangi Itu Sudah Cantik FARIZAH SHAMSUDIN	229
Arjuna Jiwa TINTA JIWA	237
Gerimis Kasih ZULKIFLI CHE NOH	246
Pakej Sempurna BONDA NOR	253



Bicara Bonda Nor

Membaca pelbagai perkongsian cerita dalam naskah **PELANGI DI RUMAH KITA** menimbulkan pelbagai rasa. Paling utama, rasa bahagia. Betapa bersyukurnya kita kerana Allah memberikan pelbagai saluran untuk mengalirkan kasih sayang-Nya.

Betul, dalam keluarga pun sudah ada macam-macam watak, macam-macam warna! Watak putih membuat hati kita tenang, watak hitam buat jiwa berperang. Belum lagi, watak merah, jingga, kuning, hijau, biru, indigo dan ungu. Meriah pandangan, bercampur-baur perasaan.

Hakikatnya, setiap perbezaan yang kita lihat adalah nikmat. Itulah yang menyempurnakan kehidupan kita,

menghadiahi pahala demi pahala daripada setiap sabar dan syukur kita.

Saya gembira kerana menerusi naskah ini, para penulis mengetengahkan pelbagai watak dalam keluarga masing-masing. Ia memberikan kita satu senarai inspirasi untuk kita teladani. Ada kisah kepimpinan seorang lelaki, ada kisah kegigihan seorang perempuan. Saya baca semuanya dengan jiwa yang laparkan perubahan, mahu menjadi lebih baik. Lalu tanpa sedar, saya telah membawa kisah mereka ke dalam kisah saya sendiri dan ternyata kisah-kisah begini sangat berguna untuk saya membuat muhasabah dan meningkatkan mujahadah.

Keluarga adalah *support system* kita yang paling utama – ini yang boleh saya rumuskan daripada keseluruhan cerita.

Kita tak mungkin dapat sokongan sempurna daripada kesemua ahli keluarga kerana seperti kita, mereka juga tak sempurna. Sebab itulah pentingnya untuk saling mengingatkan dan saling menguatkan.

Yang pasti, setiap ahli keluarga memainkan peranan tertentu dalam hidup kita. Kadang, peranan mereka hadir dalam bentuk bantuan yang menyenangkan hati. Kadang, hadir dalam bentuk bantahan atau perselisihan yang menyakitkan.


Hakikatnya, Allah Maha Tahu bentuk bagaimana yang kita perlukan. Kita tidak perlu hidup dengan bantuan atau pujian semata-mata kerana adakalanya, tingkah mereka yang buat kita terluka itulah yang melonjakkan kita ke aras yang seterusnya! Sebab itulah, kita tak boleh terlalu mudah *surrender* apabila berdepan dengan konflik keluarga.

Kena selalu hargai peranan mereka. Kena ingat bahawa keluarga adalah asal usul kita. Kalau kita meninggal dunia, kawan-kawan hanya boleh menangis, paling hebat pun, mendoakan. Tapi keluarga kita jugalah nanti yang akan menguruskan jenazah kita, hutang piutang kita, harta pusaka kita dan waris-waris kita.

**Ya, kita boleh pilih kawan
tapi keluarga ... Allah yang
pilihkan. Justeru kita percaya,
keluarga yang kita ada pada
hari ini, itulah yang terbaik!**

Pelangi di Rumah Kita

Selamat membaca naskah yang sangat baik ini. Telusurilah pelbagai kisah kekeluargaan dalam naskah ini yang membawakan pelbagai watak ahli keluarga menerusi persepsi tersendiri para penulisnya. Kemudian, rasailah satu per satu kebenaran tentang pentingnya mensyukuri nikmat hidup berkeluarga. Sesungguhnya, kelebihan dan kekurangan merekalah yang menjadikan hidup kita sempurna, kepelbagaian watak yang ada itulah yang mewarnakan pelangi di rumah kita!



Bahasa Cinta Abah

AMMAR KAMILIN

Sungguh, saya menyimpan radang pada abah! Berontak anak remaja melawan bijaksana orang tua. Pertarungan epik sepanjang zaman!

- 1 “Suruh mengaji saja, menangis! Kalau main bola tu, sampai lupa nak balik rumah. Lap hingus tu, sambung!” Biar teresak-esak sampai hampir putus nafas pun, abah memang tak akan mudah-mudah menyuruh berhenti. Selagi ayat al-Quran

Pelangi di Rumah Kita

tidak dibaca mengikut tajwid yang betul, selagi itu ulanglah ayat yang sama berkali-kali.

- 2 “Mak, tolong buka pintu bilik ni mak. Amai lapar! Lama dah terkurung dalam ni.” Tapi dalam pada getar serba salah mendengar rintihan anaknya, mak tetap memilih taat kepada arahan abah. “Abah pesan jangan buka pintu selagi abah belum balik. Tahan ya Mar ... nanti abah bukalah.”
- 3 Mencuri dan menipu! Sebab itu saya dikurung dalam bilik berkunci. Segepuk wang kertas seringgit yang abah tukarkan untuk dijadikan duit raya, saya ambil beberapa keping setiap hari. Sampailah hanya tinggal gelung kertasnya saja! Apabila ditanya, saya hanya jawab, “Tak tahu!” Akhirnya, kerja licik saya terbongkar. Apa lagi, mendapatlah!
- 4 “Naik tangga ni sampai atas, ada Perpustakaan Pusat Islam. Masuk dalam tu, baca buku. Kalau ada apa-apa, tanya mak cik yang jaga kaunter tu.” Abah terus pergi meninggalkan saya yang ketika itu darjah lima, terkontang-kanting seorang diri. Takut, tapi terpaksa berani. Begitulah. Cuti sekolah, ketika kawan-kawan sama flat merayau merata bermain macam-macam permainan dari pagi sampai ke petang. Saya dipaksa belajar di

- dalam rumah atau sesekali mengikut abah ke tempat kerja dan kemudian disuruh duduk di perpustakaan.
- 5 Tegas dan garangnya abah, sampai saya nekad belajar bersungguh-sungguh. Bukan untuk cemerlang dalam peperiksaan. Tetapi nak masuk ke sekolah berasrama. Mahu lari jauh dari rumah secara terhormat. Tak perlu lagi menghadap suruhan dan larangan abah!
 - 6 Rupa-rupanya, di asrama kesannya berbeza. Saya rindu pada abah. Dan anehnya, apa yang saya benci ketika berada di rumah, tiba-tiba berguna semasa di asrama.
 - 7 Jika di rumah, saya merengus apabila abah menepuk-nepuk badan untuk segera bangkit solat Subuh. Di asrama, dengan mudahnya saya boleh bangkit sendiri tanpa disuruh.
 - 8 Kalau di rumah, biarpun penat balik lewat petang dari sekolah agama, abah tetap akan paksa untuk ikut ke kuliah maghrib di masjid. Rupa-rupanya di asrama, pada waktu yang sama, saya perlu ke kelas persediaan malam. Juga tiada istilah rehat di sini.

9 Tanpa saya sedar, abah seolah-olah sejak awal menyediakan saya untuk berdikari di asrama. Sampai tertanya sendiri, adakah saya benar-benar dapat melarikan diri, atau sebenarnya memang itulah rancangan abah?

Hakikatnya, semua itu disusun Allah melalui tindakan abah sepanjang mendidik saya. Kalau dulu terasa sakitnya hati dihukum, kini baru tersuluh segala hikmah. Bukan abah tidak sayang, tetapi itulah lenggok bahasa cinta abah. Tegas seorang abah itu ibarat api menempa besi. Tak mungkin terhasil parang yang tajam jika hanya dijirus air.

Ya, darah muda mahu berbuat apa saja sesuka hati, namun semakin mendewasa, semakin mengerti. Alhamdulillah, pelan-pelan, saya mengutip satu persatu hikmah dan ibrah dari setiap didikan abah.

“Malam ni, jadi imam solat Tarawih ya!” Terperanjat saya semasa dibisik abah selepas solat Isyak. Tak pernah lagi budak sekolah diminta menjadi imam di surau itu. Tetapi selesai membaca doa selepas solat Witir, datang seorang pak cik, “Tahniah! Bagus bacaan awak. Nanti jadi imam lagi.” Allahuakbar! Abah yang berdiri di sisi tersenyum simpul. Mungkin rasa berbaloi apabila tegas mengajar saya semasa mengaji al-Quran.

“Dulu rajin baca buku, sekarang dah menulis banyak buku ya!” kata abah sambil tersenyum sewaktu saya menyerahkan buku berjudul Parent, Think! tulisan bersama sahabat penulis, Bonda Nor. Ya, saya seorang penulis dan hari ini saya telah menulis berbelas-belas judul buku! Kesemuanya adalah buku keibubapaan dan buku-buku dakwah, sesuai dengan didikan mak dan abah. Kebetulan? Tentulah tidak!

“Nak kait rambutan ni kena ada dua orang. Amai pegang batang cangkuk untuk pilih ranting mana nak cantas. Abah tarik tali ni untuk gerakkan pisau yang potong ranting, ya!”

**Begitu kata sepakat diambil.
Namun, baru tiga kali
mencantas, saya lihat abah
sudah terhuyung-hayang dan
hampir rebah. Dengan pantas
pencangkuk dicampakkan dan
terus saja saya menyambar
abah.**

“Ya Allah! Abah okey ke ni?” Badan abah dipapah ke bonet kereta yang kebetulan terletak berhampiran untuk bersandar.

Pelangi di Rumah Kita

“Abah okey, insya-Allah. Cuma itulah, kaki memang dah tak kuat nak berdiri lama. Cepat tak seimbang. Jalan pun kadang dah menyenget-nyenget,” balas abah hanya tersengih.

Memegang tubuh abah yang semakin uzur, perlahan-lahan bertakung air di kelopak mata. Abah dah tak kuat seperti dulu. Otot-otot badan yang dulu bekerja keras untuk menyara keluarga dan memastikan keperluan anak-anak kini mula kendur dan terasa tulangnya. Kerja keras itulah cara abah memberitahu, “Abah sayang anak abah.” Abah tidak lagi garang dan ditakuti. Malah, semakin mudah tersentuh dan boleh menangis di depan kami.

Selepas menebang beberapa dahan kecil pokok rambutan, saya menjumpai satu dahan yang sesuai untuk dibuat tongkat. Daun pada dahan itu semuanya dicantas.

“Nah abah! Boleh jadikan tongkat kalau abah nak buat kerja kat luar rumah nanti. Risau nanti abah jatuh lagi.”

Abah bertongkat masuk ke dalam rumah dan dengan teruja memberitahu mak, “Ammar buat tongkat ni untuk abang. Elok tongkat ni!”

Sebak! Abah jarang memuji hingga dulu saya sering tersilap mentafsir bahasa cinta abah. Kini pada usia yang

berbaki, segala rasa kecewa yang pernah disimpan semasa kecil dan remaja dulu telah lama dilepaskan pergi.

**Abah menjadi inspirasi
lembaran kasih sayang
tersembunyi, yang sekian
lama menyelimuti kehidupan
saya sehingga menjadi lelaki
dewasa yang ada hati budi.
Terima kasih abah, mendidik
sampai hari ini. Alhamdulillah.**

Keramat Hidupku

Gertakannya menggegar ruang tamu, renungan tajamnya menusuk kalbu. Setiap silap tidak dibiarkan berlalu begitu sahaja. Setiap salah berdepan hukuman yang keras, sebegitu tegas sehingga aku sesak nafas dan berasa lemas.

Waktu bermainku sering kali terbatas, senda gurau tidak selalu berbalas. Hajat dan inginku baginya tidak selaras. Hidupku seputar pelajaran dan buku, hingga aku tidak sabar mendewasa dan bebas.

Sakit setiap kali betis disinggahi rotan yang melibas, hanya kerana Maghrib yang terbabas. Wajahnya begitu bengis dan ganas, sehingga aku tercari-cari, di manakah belas?

Namun, angin sejuk di birat betis membuatku tertanya. Abahkah ini? Dalam samar muka, kakiku dipapas, titis air pada kakiku, mungkinkah itu air matanya? Begitukah cara abah menzahirkan cinta?

Bangga! Kata emak, abah menyebut-nyebut namaku, di pasar, di masjid, di acara keramaian. Matanya berbinar setiap kali berbicara tentang aku. Benarlah khabar, kasih sayang seorang abah pandai menyamar.

Kini, aku memahami segalanya. Tegasnya adalah benteng yang melindungi aku, dari dunia yang penuh ujian dan liku. Terima kasih abah, walau tersembunyi cintamu, sungguh engkau tetap keramat hidupku.



Rumah Ini Kanvas, Dia Pelukisnya

AKASHAH KASSIM

“**K**enapa tak biarkan saja macam tu? Dah cukup cantik!” ujarku yang kehairanan melihat tingkahnya.

“Kadang-kadang, kita kena buat apa yang kita rasa boleh jadikan dunia ni lebih cantik, walaupun orang tak perasan,” balasnya sambil tersenyum.



“Hah, tengok ni! Cantik, kan?” tambahnya lagi sambil ketawa.

- 1 Memang! Disebabkan kerja-kerja kreatifnya, rumah kami selalu tampil istimewa. Apatah lagi, rumah kami berada di jalan utama dan bersebelahan pasar malam, mudah benar meraih perhatian orang yang lalu lalang. Setiap kali ada yang datang singgah, mereka sama teruja.
- 2 Tanya sahaja penduduk di kawasan perumahan kami, siapa yang tak kenal rumah ini! Oh, ia bagaikan sudah menjadi mercu tanda. Bukan sebab saiznya yang besar atau seni binanya yang mewah. Bukan. Ini hanyalah rumah biasa seperti rumah orang lain juga. Hanya rumah kakitangan yang disediakan oleh majikan. Namun hasil seni dia, rumah ini tampak unik dengan cara tersendiri.
- 3 “Oh, rumah yang ada rama-rama tu, kan?” kata pemandu teksi apabila mahu memberitahu lokasi rumah kami. Ya, tidak susah menerangkan jalan kerana mudah mendapat gambaran. Rahsianya ialah replika dua ekor rama-rama kayu besar yang melekat di dinding depan kiri dan kanan rumah! Itu pun kerja dia. Dua keping papan nipis, dicat dan dilekatkan bersama sebatang kayu

Pelangi di Rumah Kita

Macam-macam kepala, macam-macam lah ujian dan kerenahnya! Kadang, ketawa macam tak ingat dunia. Kadang, bergaduh sampai tak bertegur sapa.

Subhanallah. Bukan senang nak mencari titik temu penyatuan dalam sebuah keluarga. Ya, setiap orang punya kelemahan. Setiap orang melakukan kesilapan. Seperti kita, orang lain juga tak sempurna.

Justeru untuk membentuk arca bahagia, kita pilih untuk fokus pada acuan kebaikan. Kita mahu fokus pada melorek kebahagiaan.

Namun, dalam membina bahagia dalam rumah tangga dan keluarga sendiri, tentu saja kita mencari-cari inspirasi. Alhamdulillah, buku PELANGI DI RUMAH KITA menyajikan pelbagai kisah yang sarat teladan untuk kita sama-sama jadikan panduan. Nikmatilah dan teladanilah. Mudah-mudahan, ia mampu menjadikan kita seorang hamba yang tahu bersyukur atas setiap nikmat Allah.

Betul, dalam rumah kita ada pelangi yang beraneka warna dan memberikan keindahan yang berbeza-beza. Justeru, kita mesti belajar menghargai setiap keunikannya!

ISBN 978-967-0018-84-3



9 789670 018843

**BONDA
NOR**
SON.BHD